

24/09/1999

Penolakan konsep sekolah bestari jadi cabaran

KEGAGALAN masyarakat menerima konsep Sekolah Bestari menjadi cabaran dan halangan utama Kerajaan untuk membentuk sistem pembelajaran pintar itu.

Sehubungan itu, Penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Chan Foong Mae, berkata masyarakat seharusnya bersedia menerima perubahan paradigma yang bakal berlaku dalam sistem pendidikan negara.

Selain itu, katanya, bagi memangkinkan kewujudan sekolah berkenaan, Kerajaan seharusnya berusaha mengekalkan guru cemerlang dalam teknologi maklumat (IT) supaya mereka tidak beralih ke sektor pendidikan swasta.

"Memandangkan kepada keperluan sekarang, sekiranya tindakan itu tidak diambil, potensi Kerajaan kehilangan tenaga pengajar berkenaan adalah besar khususnya pakar sekolah bestari," katanya ketika membenteng kertas kerjanya mengenai sekolah bestari di persidangan MMA 99.

Persidangan tahunan itu membincangkan perkembangan MSC dan mendapatkan pandangan pakar IT tempatan dan antarabangsa.

Persidangan dan pameran yang berlangsung selama empat hari mulai semalam dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut berdialog dengan peserta persidangan. Tema persidangan ialah 'MSC Daripada Visi Ke Realiti: Penyesuaian Semula Menghadapi Ekonomi Baru.'

Sementara itu, Subang Jaya akan menjadi medan ujian model komuniti elektronik (e-komuniti) era siber pertama yang memanfaatkan sepenuhnya teknologi komunikasi dan maklumat (TMK).

Setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, berkata projek perintis bandar e-komuniti SJ2005 itu menjadi tapak ujian pelaksanaan TMK dalam masyarakat.

"SJ2005 yang mendapat peruntukan daripada Skim Geran Penunjukcara Aplikasi (DAGS) melalui Penunjukcara Aplikasi Perdana akan digunakan sebagai model perkongsian pintar tiga pihak iaitu kerajaan, swasta dan orang ramai berdasarkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita)," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kertas kerja di bengkel komuniti SJ2005 bertajuk 'Perubahan Ke Arah Komuniti Pintar di Malaysia' di persidangan itu.

Menurutnya, kejayaan SJ2005 akan dipertontonkan kepada delegasi antarabangsa yang menyertai persidangan Pengetahuan Sejangat II Mac depan dan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak berkuasa tempatan di bawah Rancangan Malaysia ke-8 (RM-8).

Katanya, bagi memastikan sasaran tahun 2005 dicapai sebanyak 300,000 rumah akan dirangkaikan menggunakan Internet dalam tahun 2002 manakala perkhidmatan awam tahun berikutnya.

(END)